



KEMENTERIAN PELANCONGAN

SIARAN MEDIA

KEMPEN “1MALAYSIA GREEN TOURISM, 1MALAYSIA CLEAN” DILANCARKAN

Bertujuan memupuk semangat cintakan keindahan dan kebersihan

PUTRAJAYA 18 Julai 2010 – Kementerian Pelancongan hari ini memperkenalkan satu lagi inovasi sektor pelancongan, kempen “1Malaysia Green Tourism, 1Malaysia Clean” yang bertujuan untuk memupuk semangat cintakan keindahan dan kebersihan dalam kalangan rakyat Malaysia, khususnya di tempat-tempat yang sentiasa menjadi tarikan pelancong tempatan dan luar negara.

Kempen ini yang berteraskan *tagline* “Think Tourism Act Tourism”, (atau “Hayati Pelancongan, Bertindak demi Pelancongan”) telah disempurnakan oleh Menteri Pelancongan YB Dato’ Sri Dr, Ng Yen Yen, di sini hari ini dengan pelancaran logo dan maskot “Mr Bin” serta lagu tema.

Kempen ini juga bertujuan meningkatkan kesedaran tentang implikasi ke atas industri pelancongan dan membuka minda setiap rakyat Malaysia agar sama-sama menjaga kebersihan dan memastikan negara kita sentiasa bersih dan indah.

“Apa yang penting ialah mengamalkan tabiat dan sikap yang amat mudah iaitu memastikan sampah tidak dibuang di merata tempat, mengutip sampah jika ternampak di depan mata, tandas dibiarkan bersih setelah digunakan dan lain-lain,” kata YB Dato’ Sri Dr Ng.

Beliau menambah, dengan mengekalkan kebersihan dan keindahan tempat-tempat pelancongan, sekaligus akan menarik minat dan perhatian pelancong tempatan dan luar negara untuk datang melawat berulang kali ke tempat-tempat berkenaan.

Inisiatif Kementerian Pelancongan ini juga seiring dengan usaha kerajaan dan sasaran YAB

Perdana Menteri Malaysia bagi memperbaiki kedudukan Malaysia untuk berada dalam senarai 10 negara teratas dari segi penyumbangan sektor pelancongan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM115 billion pada tahun 2015, serta memberi peluang pekerjaan kepada 2.7 juta rakyat Malaysia.

Bagi menjayakan dan merealisasikan kempen “1Malaysia Green Tourism, 1Malaysia Clean” ini, Kementerian Pelancongan turut berganding tenaga dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Belia dan Sukan, dan Kementerian Pelajaran.

Selain keempat-empat Kementerian itu, beberapa badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta, Kelab Program Pelancongan Pelajar (atau 3P) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur turut telah diundang untuk merancang dan mengatur beberapa program berterusan di Kuala Lumpur dan juga seluruh negara.

Antara aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan termasuk:

- a) projek “PAT” (atau *Plant a Tree*) di kesemua *homestay* seluruh negara yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, iaitu menggalakkan setiap pelancong luar negara menanam pokok sebelum mereka pulang ke negara asal;
- b) aktiviti gotong royong di tempat-tempat tarikan pelancong;
- c) kerjasama dengan persatuan-persatuan dan gerai-gerai menjual makanan dan minuman untuk mengadakan pertandingan gerai dan tempat makan paling bersih dan indah;
- d) kerjasama dengan persatuan-persatuan teksi mengadakan peraduan teksi yang paling bersih, selain pemandu yang ramah dan berpengetahuan;
- e) mengadakan pertandingan “Gedung Membeli Belah Paling Bersih”;
- f) kerjasama dengan kumpulan *Hypermarket* GIANT untuk menempatkan logo “1Malaysia

Green 1Malaysia Clean" pada beg-beg keluarannya;

- g) program TV khas untuk kanak-kanak yang menampilkan maskot "Mr Bin" bagi meuar-uarkan betapa pentingnya memelihara serta memastikan persekitaran sentiasa bersih dan indah;
- h) kerjasama dengan media cetak dan elektronik untuk meuar-uarkan kempen "*1Malaysia Green 1Malaysia Clean*";
- i) kerjasama dengan syarikat-syarikat pengurusan lebuhraya dengan pengedaran stiker-stiker kenderaan "*1Malaysia Green 1Malaysia Clean*" di tol-tol plaza dan kawasan rehat tertentu bagi meningkatkan kesedaran; dan
- j) mengadakan pertandingan "*Spot the 1Malaysia Green 1Malaysia Clean Sticker*" pada kenderaan-kenderaan.

*Disediakan oleh Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelancongan Malaysia
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi T: +603.4043.0462 atau emel: info@motour.gov.my*